



SESI ASPIRASI TRANSFORMASI NASIONAL 2050 (TN50) BERSAMA PIHAK BERKUASA TEMPATAN



Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menganjurkan satu sesi Aspirasi Transformasi Nasional 2050 (TN50) bersama Datuk Bandar, Yang Dipertua, Setiausaha dan Pegawai Muda Pihak Berkuasa Tempatan pada 19 Januari 2018.

Selaras dengan TN50 yang telah diperkenalkan setahun yang lalu, dengan visinya merupakan satu gagasan nasional bersifat jangka panjang untuk membentuk peta dan hala tuju masa depan Malaysia bagi tempoh 2020 hingga 2050, PBT harus menerima hakikat bahawa PBT juga akan turut menghadapi cabaran yang mungkin amat jauh berbeza menjelang tahun 2050 berbanding cabaran mengurus tadbir PBT pada masa kini. Beberapa faktor penting perlu diberi perhatian dalam memastikan PBT mampu untuk memainkan peranan yang berkesan pada tahun 2050. Antara faktor yang terlibat adalah seperti berikut:

- Pembangunan dan pengurusan modal insan dalam negara yang menghadapi isu negara menua;
- Perkhidmatan *par excellence*
- Masalah kekurangan sumber terutamanya kewangan;
- Adaptasi kepada peningkatan kecekapan dan melestari daya saing;
- Perubahan persekitaran dan harapan rakyat;
- Urbanisasi yang mampan; dan
- Ledakan arus teknologi maklumat dan revolusi industri 4.0 yang makin pantas.



Menyedari isu dan permasalahan yang mendepani negara, KPKT telah merancang pendekatan transformasi untuk membangunkan kapasiti pihak berkuasa tempatan supaya dapat menyahut cabaran dan memenuhi aspirasi rakyat untuk 30 tahun akan datang dengan lakaran strategi yang relevan untuk masa sekarang dan masa hadapan. Dalam konteks ini, KPKT telah menyediakan dua dokumen penting yang menyentuh perihal perbandaran iaitu Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2), Dasar Perancangan Fizikal Negara (DPF Desa Negara) dan Rancangan Fizikal Negara ke 3.

Program yang dianjurkan oleh KPKT pada pagi ini bertujuan untuk mendapatkan input-input dari Pihak Berkuasa Tempatan merangkumi **Tadbir Urus PBT, Ekonomi** (merangkumi- kecekapan perkhidmatan, perubahan gaya hidup bandar, dan Kewangan

PBT), **Sosial** (merangkumi-menangani gejala sosial, pembangunan semula bandar, penglibatan rakyat, negara menua (*ageing nation*), **Pembangunan Mampan Bandar** (merangkumi-pengurusan sisa pepejal, teknologi hijau, penambahbaikan Akta dan peraturan sedia ada, **Politik** (merangkumi-peranan ahli majlis, memperkasakan *engagement* (Libat Urus) antara PBT & Rakyat Bandar dan ketelusan PBT).

Sesi Aspirasi TN50 YBM KPKT pada kali ini telah dihadiri lebih kurang 800 orang wakil daripada 154 Pihak Berkuasa Tempatan. Dan 60% daripadanya adalah mereka yang berumur 30 tahun ke bawah yang akan mewarisi kepimpinan PBT menjelang tahun 2050.



Sumber: Unit Komunikasi Korporat